

21 JUN 1999

Razaleigh-Kelantan

RAZALEIGH TERUS MULAKAN TUGAS KETUA UMNO KELANTAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah akan menemui beberapa pemimpin bahagian Umno di Kelantan minggu ini sebagai antara tugas pertamanya selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu.

Beliau dijadualkan menemui anggota parti itu di peringkat bahagian Kota Baharu, Rantau Panjang dan Pasir Mas dalam tempoh empat hari mulai Khamis ini.

"Mesyuarat itu pada asasnya bertujuan memberi dorongan kepada anggota parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang," kata seorang pembantunya di sini hari ini.

Pelantikan Tengku Razaleigh sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu diumumkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam tadi selepas mesyuarat badan itu.

Tengku Razaleigh mengambil alih jawatan itu daripada Dr Mahathir yang telah memegangnya sejak 1990.

Tengku Razaleigh, 62, anggota Parlimen Gua Musang, malam tadi mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana pelantikan itu dan melahirkan keyakinannya bahawa rakyat Kelantan akan memilih Barisan Nasional pada pilihan raya umum yang dijangka tidak lama lagi.

PAS menguasai kerajaan negeri Kelantan sejak 1990.

"Beliau terus memulakan tugasnya serta-merta terutama untuk menggerakkan mereka dalam persiapan menghadapi pilihan raya umum," kata pembantunya itu.

-- BERNAMA

AZZ NMO